

08 OCT 2002

MAHATHIR-CHINA

LIHAT PEMBANGUNAN EKONOMI CHINA SECARA POSITIF, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa komuniti perniagaan Malaysia supaya melihat pembangunan yang sedang berlaku di China sekarang secara positif.

Meskipun China merupakan pesaing utama, ia juga menyediakan peluang bagi kerjasama ke arah meningkatkan aliran silang perdagangan dan pelaburan, kata Perdana Menteri.

Justeru syarikat-syarikat Malaysia perlu berusaha keras untuk mengambil kesempatan daripada potensi perniagaan yang besar di China, kata Dr Mahathir dalam ucapan pembukaannya di Persidangan Ekonomi Malaysia-China-Cabaran, Kesan dan Prospek, di sini.

Sejak 1991, jumlah perdagangan antara China dan Malaysia meningkat sebanyak enam kali ganda, eksport ke China sebanyak tujuh kali ganda manakala import dari China enam kali ganda.

Sepanjang tujuh bulan pertama 2002, China muncul sebagai pasaran eksport keempat terbesar Malaysia dan juga sumber import.

Sementara itu Malaysia pula merupakan rakan dagangan ke-10 terbesar China, kesembilan terbesar dari segi sumber import dan pasaran eksport ke-14 terbesar negara itu.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2002, Malaysia merupakan rakan dagangan global ke-7 terbesar China dan rakan dagangan terbesar di kalangan negara Asean.

Dr Mahathir berkata peningkatan kukuh dalam perdagangan dua hala sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah bukti terdapatnya potensi antara kedua-dua negara untuk terus mengembangkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Beliau juga menggesa syarikat-syarikat Malaysia bekerjasama dengan pengeluar-pengeluar dari China dalam bahagian di mana mereka mempunyai kelebihan teknologi.

Perkongsian ini akan membantu syarikat-syarikat Malaysia menembusi bukan sahaja pasaran China malahan pasaran serantau dan global, katanya.

Beliau juga menyarankan usahawan Malaysia meneroka peluang kerjasama dengan rakan sejawat mereka dari China dalam sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan berkaitan penjagaan kesihatan, pendidikan, pelancongan, francais, perdagangan runcit, rangkaian kedai, pasar raya, telekomunikasi, teknologi maklumat dan komunikasi, runding cara, pengurusan dan logistik.

Dr Mahathir berkata kumpulan barangan yang diniagakan antara Malaysia dan China telah berubah sejak beberapa tahun ini.

Kira-kira 47 peratus daripada eksport Malaysia ke China terdiri daripada barangan elektrik dan elektronik dan produk lain termasuklah minyak sawit, kimia dan bahan kimia, petroleum dan kelengkapan jentera.

Begitu juga, katanya, 55 peratus import Malaysia dari China juga terdiri daripada barangan elektrik dan elektronik diikuti kelengkapan jentera, bijirin, kimia dan bahan kimia dan pakaian.

Mengenai pelaburan, Dr Mahathir berkata pelaburan terkumpul Malaysia di China sehingga Jun 2002 berjumlah RM9.31 bilion dalam 2,216 projek yang diluluskan.

Tahun lalu, Malaysia berada di tangga ke-18 pelabur asing terbesar di China, katanya.

Antara sektor-sektor utama pelaburan adalah dalam pengeluaran produk berasaskan kayu, komputer, kelengkapan pejabat, produk berasaskan plastik dan barangan makanan.

Manakala pelaburan dalam sektor perkhidmatan termasuklah pembangunan prasarana, pembinaan, penjana kuasa dan rangkaian perniagaan pasar raya besar.

Dr Mahathir berkata pasaran domestik serta bekalan buruh yang besar di China perlu dimanfaatkan oleh perusahaan Malaysia yang mahu meneroka pasaran luar negara dan mendapatkan kemudahan pengeluaran.

Cara yang lebih mudah dan berkesan, katanya, adalah berada dekat dengan pasaran dengan membuka pusat pengeluaran di China menerusi aktiviti pengeluaran dan usaha-usaha pemasaran bersama untuk bertapak kukuh dalam pasaran domestik.

Dr Mahathir berkata komuniti perniagaan Malaysia mempunyai kelebihan memahami bahasa dan budaya China dan kelebihan ini perlu digunakan dengan berkesan dalam mempermudah hubungan perniagaan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AKT FR ZK